

Usah putar belit hasil tol: Samy Vellu

MENTERI Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata 19 syarikat konsesi yang mengendalikannya lebuhraya bertol perlu membuat pelbagai perbelanjaan daripada kutipan dibuat, bukannya mendapat keuntungan besar atas kesusahan rakyat.

Beliau berkata, kenyataan bertulis beliau baru-baru ini mengenai 19 pengendali lebuhraya bertol membuat kutipan tol berjumlah RM23.65 bilion diputar belit pihak tertentu bagi kepentingan politik mereka.

Katanya, kenyataan beliau sudah diputar belit dan disalahguna pihak berkenaan bagi menunjukkan kepada orang ramai bahawa pengendali lebuhraya bertol sudah mencatatkan keuntungan terlalu besar dan kerajaan tidak melakukan apa-apa bagi menjaga kepentingan rakyat.

"Saya ingin memberi penjelasan ini supaya tidak wujud salah faham dan mengelak pihak tertentu daripada memutar belit isu ini untuk kepentingan mereka," katanya pada sidang media di Lobi Parlimen, semalam, bagi mengulas jawapan bertulisnya pada 20 Mac ketika menjawab soalan Teresa Kok (DAP-Seputeh) mengenai jumlah kutipan tol 19 syarikat konsesi lebuhraya daripada mula beroperasi hingga sekarang.

Dalam jawapan bertulis itu, Samy Vellu mendedahkan 19 lebuhraya seluruh negara mengutip tol berjumlah RM23.65 bilion sehingga akhir tahun lalu, dengan Lebuhraya Utara-Selatan (Plus) mencatat kutipan terting-

gi sebanyak RM15.91 bilion.

Ia diikuti Jambatan Pulau Pinang sebanyak RM1.7 bilion; Lebuhraya Utara Selatan-Hubungan Tengah (Elite) RM1.05 bilion; Lebuhraya Shah Alam (Kesas) RM990 juta; Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) RM970 juta dan Lebuhraya KL-Karak RM780 juta.

Laluan Kedua Malaysia Singapura (Linkedua) pula mengutip RM350 juta, Lebuhraya Sungai Besi (Besraya) RM320 juta, manakala 11 lebuhraya lagi mencatat kutipan kurang daripada RM300 juta.

Samy Vellu turut memperincikan kos pembinaan, penyelenggaraan dan tempoh konsesi semua lebuhraya itu.

Berikutan jawapan itu, orang ramai mempersoalkan kewajaran pengendali lebuhraya untuk terus meminta kenaikan kadar tol serta mendapat pampasan daripada kerajaan apabila mereka membuat kutipan tol jauh melebihi daripada kos pembinaan dan penyelenggaraan.

FAKTA NOMBOR

Kutipan tol

RM1.7b

Jambatan Pulau Pinang

RM1.05b

Lebuhraya Elite